

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.03.2015

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan terkini bagi rombakan dan pemulihan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS). Nyatakan sasaran fiskal (*fiscal target*) yang telah dikenakan ke atas pengurusan baru supaya MAS tetap menghasilkan keuntungan dalam masa tiga tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas pengumuman Pelan Pemulihan MAS (PPM) pada 29 Ogos 2014 dan seterusnya Laporan

Perkembangan Sukuan Pelan Pemulihan MAS yang pertama pada 28 November 2014, beberapa pencapaian utama telah berjaya dilakar termasuk kejayaan memperoleh kelulusan pemegang saham minoriti bagi pelaksanaan pengurangan dan pembayaran balik modal secara terpilih *Selective Capital Reduction (SCR)* yang dicadang oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah), penubuhan syarikat baru (NewCo) iaitu Malaysia Airlines Bhd serta kelulusan Rang Undang-Undang Malaysian Airline System Bhd (Pentadbiran) 2014 oleh Dewan Rakyat.

Khazanah akan terus memaklumkan kepada pihak awam mengenai status kemajuan PPM secara berkala dalam tempoh lima tahun akan datang sehingga 2020. Pada 2 Mac 2015, Khazanah telah membentangkan Laporan Perkembangan Sukuan Pelan Pemulihan MAS yang kedua.

Berhubung sasaran yang ditetapkan kepada pengurusan baru pula, buat masa ini, pelan perniagaan dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) berkaitan kewangan, khususnya yang berjangka masa pendek, sedang dimuktamadkan bersama-sama pasukan pengurusan MAS. Matlamat yang disasarkan tetap sama seperti yang diumumkan semasa pelancaran PPM pada 29 Ogos 2014 iaitu supaya NewCo mencatatkan keuntungan menjelang 2017 dan berada dalam keadaan yang kukuh untuk

disenaraikan semula, dijual atau dibawa masuk ke dalam pakatan strategik yang akan menghasilkan pulangan positif kepada rakyat menjelang 2020.